

D.R. 7/97

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA
KEMAJUAN JOHOR TENGGARA
(PEMBUBARAN) 1997**

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Pemansuhan dan pembubaran.
4. Perpindahan kuasa, hak, dsb.
5. Perpindahan harta.
6. Perpindahan wang.
7. Kontrak yang sedia ada, dsb.
8. Penerusan prosiding jenayah dan sivil.
9. Penerusan undang-undang, dsb.
10. Menghalang kesukaran atau anomali.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972, untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara yang ditubuhkan di bawah Akta itu, untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada Kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pembubaran) 1997 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"Lembaga" ertinya Lembaga Kemajuan Johor Tenggara yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972; Akta 75.

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan luar bandar;

Akta 349, "Pesuruhjaya Tanah Persekutuan" ertinya Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang dilantik di bawah Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957;

"tarikh ditetapkan" ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 1.

Pemansuhan dan pembubaran. 3. Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 dimansuhkan dan Lembaga yang ditubuhkan di bawahnya dibubarkan.

Perpindahan kuasa, hak, dsb. 4. Segala kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sebelum sahaja tarikh ditetapkan adalah kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi Lembaga hendaklah, dari tarikh itu, turun kepada Kerajaan.

Perpindahan harta. 5. (1) Semua tanah yang sebelum sahaja tarikh ditetapkan adalah terletak pada Lembaga hendaklah, pada tarikh ditetapkan, terletak pada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi maksud-maksud Kerajaan.

(2) Semua harta dan aset selain daripada tanah yang sebelum sahaja tarikh ditetapkan adalah terletak pada Lembaga atau pada mana-mana orang bagi pihaknya hendaklah, pada tarikh itu, terletak pada Kerajaan.

Perpindahan wang. 6. Semua wang yang ada pada, atau kena dibayar kepada, Lembaga hendaklah, pada tarikh ditetapkan, berpindah kepada, dan terletak pada Kerajaan.

Kontrak yang sedia ada, dsb. 7. Segala suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan kerja yang wujud sebelum sahaja tarikh ditetapkan dan menyentuh mana-mana harta yang berpindah di bawah seksyen 5 hendaklah mempunyai kuatkuasa dan kesan yang penuh terhadap atau mernihak kepada Kerajaan dan boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dan dengan berkesan seolah-olah Kerajaan, bukan Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya, telah dinamakan dalamnya atau telah menjadi suatu pihak kepadanya.

8. (1) Pemansuhan Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 tidaklah menyentuh liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta yang dimansuhkan itu sebelum tarikh ditetapkan, atau mana-mana prosiding yang telah dibawa atau hukuman yang telah dikenakan sebelum tarikh itu berkenaan dengan kesalahan itu.

Penerusan
prosiding
jenayah
dan sivil.

(2) Mana-mana prosiding (sama ada sivil atau jenayah) atau kausa tindakan yang belum selesai atau yang wujud, sebelum sahaja tarikh ditetapkan, oleh atau terhadap Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya bolehlah diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Kerajaan sebagaimana ia boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga atau orang itu seolah-olah Akta ini tidak pernah diluluskan.

(3) Mana-mana rayuan yang dibawa, atau mana-mana kebenaran untuk merayu yang dipohon, pada atau selepas tarikh ditetapkan, terhadap sesuatu keputusan yang diberikan sebelum tarikh ditetapkan dalam mana-mana prosiding undang-undang yang dalamnya Lembaga menjadi suatu pihak boleh dibawa oleh atau terhadap Kerajaan sebagaimana ia boleh dibawa oleh atau terhadap Lembaga seolah-olah Akta ini tidak pernah diluluskan.

9. Tertakluk kepada Akta ini, semua undang-undang bertulis, termasuk perundangan subsidiari, yang menyentuh atau bagi perlindungan Lembaga dan berkuatkuasa sebelum sahaja tarikh ditetapkan hendaklah, sehingga dipinda atau dibatalkan oleh pihak berkuasa berkenaan yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian, terus berkuatkuasa dan ditafsirkan seolah-olah Akta ini tidak pernah diluluskan:

Penerusan
undang-
undang. dsb.

Dengan syarat bahawa apa-apa sebutan dalam undang-undang bertulis itu mengenai Lembaga, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kerajaan dan ungkapan-ungkapan yang memaksudkan sebutan sedemikian hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

Menghalang
kesukaran
atau anomali.

10. (1) Jika apa-apa kesukaran atau anomali timbul berkaitan dengan pelaksanaan Akta ini, Menteri boleh melalui perintah membuat apa-apa ubahsuaian kepada mana-mana peruntukan Akta ini sebagaimana yang didapatinya perlu bagi menghapuskan atau menghalang kesukaran atau anomali itu:

Dengan syarat bahawa Menteri tidaklah boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini selepas habis tempoh tiga tahun dari tarikh ditetapkan.

(2) Dalam seksyen ini, "ubahsuaian" termasuklah pindaan, penambahan, pemotongan, penggantian, penyesuaian, perubahan, pengubahan dan ketakpakaian mana-mana peruntukan Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 dan membubarkan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara yang ditubuhkan di bawah Akta itu.

2. *Fasal 3 dan 4* mengadakan peruntukan bagi pembubaran Lembaga dan bagi penurunan kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi Lembaga kepada Kerajaan.
3. *Fasal 5* mengadakan peruntukan bagi perpindahan semua harta alih dan tak alih dan aset-aset lain Lembaga kepada Kerajaan.
4. *Fasal 6* mengadakan peruntukan bagi perpindahan semua wang yang ada pada, atau kena dibayar kepada, Lembaga, kepada Kerajaan.
5. *Fasal 7* mengadakan peruntukan bagi penguatkuasaan segala kontrak yang sedia ada oleh atau terhadap Kerajaan sebagai ganti Lembaga.
6. *Fasal 8* mengadakan peruntukan bagi penerusan prosiding undang-undang oleh atau terhadap Kerajaan sebagai ganti Lembaga.
7. *Fasal 9* mengadakan peruntukan bagi penerusan semua undang-undang bertulis termasuk perundangan subsidiari yang menyentuh atau melindungi Lembaga dengan mentafsirkan sebutan-sebutan mengenai Lembaga sebagai sebutan-sebutan mengenai Kerajaan.

*Lembaga Kemajuan Johor
Tenggara (Pembubaran)*

1

8. *Fasal 10* mengadakan peruntukan bagi pemberian kuasa kepada Menteri untuk membuat perintah bagi maksud menghapuskan apa-apa kesukaran yang mungkin timbul berkaitan dengan pelaksanaan Akta yang dicadangkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan, yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.
[PN. (U²) 1987.]